

SENI MEHNDI DALAM FATWA SAHABAT

ART OF MEHNDI ACCORDING TO FATWA SAHABA'S

Syed Muhammad Adib Termizi

Ph.D Syariah dan Kehakiman (USIM), pensyarah bebas Singapura

Md_adib1@hotmail.com

Article Progress

Received: 22 January 2019

Revised: 28 January 2019

Accepted: 31 January 2019

Abstrak:	Abstract
<p>Keinginan kelihatan cantik mendorong seseorang untuk berhias dan memiliki perhiasan yang mahal. Maka, tidak hairanlah industri perhiasan dan mereka yang menyediakan khidmat kecantikan mengaut keuntungan besar saban tahun dan semakin berkembang dengan pesat. Di antara teknik berhias yang mendapat tumpuan para wanita hari ini adalah seni mehndi. Ia adalah sebuah seni yang menggunakan inai untuk menghiasi tangan dan kaki seakan menjadi satu kemestian bagi para wanita setiap kali menjelangnya hari perayaan atau majlis keramaian. Syarak tidak melarang berhias, tetapi ia membezakan antara yang harus dengan yang haram. Begitu juga ia meletakkan batasan-batasan tertentu bagi setiap perbuatan manusia termasuk berhias, agar kemaslahatan dunia dan akhirat sentiasa terpelihara. Artikel ini meninjau sejauh mana seni mehndi dipersetujui oleh para sahabat r.a dan batasan yang diletakkan untuknya. Selanjutnya penulis juga mengkaji bagaimana masyarakat Islam pada hari ini berinteraksi dengan fatwa mereka dalam aplikasi harian. Kajian ini telah membuahkan beberapa hasil antaranya: Larangan mehndi sabit dalam fatwa sahabat dan fatwa tersebut mempunyai tujuan (illah)</p>	<p>The desire looks pretty prompting someone to decorate and possess expensive jewellery. It's no surprise that the jewellery industry and those who provide beauty services make great profit every year and are growing rapidly. Among the stylish techniques that today's women are focusing on is the art of Mehndi. It is an art of henna to decorate the hands and feet as if it should be a must for women every time it comes to celebrating a day of celebration or a party. Shariah Law does not prohibit decorating, but it distinguishes between what is permissible and the forbidden. Similarly, the law places certain limitations on each human act including decorating one's self, so that the benefits of the world and the hereafter are always preserved. This article examines the extent to which the art is approached by the companions and the limitations laid down for them. Furthermore the author also examines how Islamic societies today interact with their fatwa in daily applications. This study has resulted in several results, among others: The ban on the fatwa in the fatwa of the companions and fatwa has the intention to not resemble the non-Muslims.</p> <p>Keywords: Companions Fatwa, Mehndi, Decorative Art, Community Habits.</p>

<p>iaitu agar tidak menyerupai golongan bukan Islam.</p>	
--	--

<p>Kata kunci: Fatwa sahabat, Mehndi, Seni berhias, Kebiasaan masyarakat.</p>	
--	--

PENDAHULUAN

Asal Usul Inai

Inai atau *Hinna* الحناء dalam bahasa Arab adalah sejenis pohon yang digunakan daunnya untuk berinai (Al Zubaidi: 2012). Nama saintifiknya adalah *Lawsonia Inermis*. Ia merupakan sejenis tumbuhan yang mekar dan berbunga sepanjang tahun yang boleh mencapai ketinggian melebihi 2 meter (Al Daqar: 2011). Daunnya dilumat dan kemudian dipupuk pada anggota badan seperti kulit, rambut dan kuku atau pada sesuatu barang seperti kain, tali pinggang dan lain-lain bagi tujuan mewarna atau mencelup. Warna yang biasa dihasilkan oleh inai adalah kuning, oren, merah dan ada juga yang hitam mengikut daun yang digunakan dan cara ianya diproses (Asadullah, Roslee & Ramli: 2018). Pohon inai juga dikenali sebagai bahan kosmetik tertua yang digunakan manusia dalam menghias diri (Al Shamar: 2011).

Inai mempunyai nilai komersial dalam penghasilan produk kosmetik, wangian, perhiasan taman dan perubatan. Oleh sebab itu, ia ditanam secara meluas di beberapa buah negara seperti UAE, Maghribi, Algeria, Yaman, Mesir, Arab Saudi, India, Sudan, Iraq, Somalia dan lain-lain lagi (Al Shamar: 2011 & Al Daqar: 2011).

Pada awalnya penggunaan inai mula ditemui oleh masyarakat yang menetap di gurun ketika mereka mencari kaedah untuk merendahkan suhu badan. Ada pula yang berpendapat penggunaan inai ini ditemui oleh bangsa Mesir purba. Manakala pemakaian inai dengan cara melukis dan membuat lakaran pada anggota badan, yang kemudiannya dikenali dengan seni "mehndi" mula diperkenalkan pada 5000 tahun dahulu oleh bangsa Mogul. Menurut sebahagian ahli sejarah, kesenian bangsa Mogul yang bertanggungjawab membawa seni ini ke India sebelum ia berkembang dan menjadi masyhur di sana. Pendapat lain menyebutkan bahawa mehndi berasal dari amalan budaya masyarakat Hindu India. Pendapat lain pula mengatakan bahawa asal kewujudan mehndi adalah dari Timur Tengah atau Afrika Utara. Oleh sebab faktor masa yang cukup lama, adalah mustahil untuk menentukan bangsa mana yang memperkenalkan kesenian ini terlebih dahulu. (Al Daqar: 2011)

Pemakaian inai turut dikaitkan dengan kepercayaan mistik bagi sesebuah masyarakat. Di Sudan misalnya, pemakaian inai dengan cara tertentu oleh kaum wanita dapat menjamin kebahagiaan rumah tangga. Pemakaian

dengan gaya tertentu juga dikatakan dapat menghindarkan seseorang dari bahaya, mendatangkan keselamatan dan tidak kurang juga sebagai lambang amalan sihir (Asadullah, Roslee & Ramli: 2018).

INAI DALAM ISLAM:

Terdapat beberapa hadis Nabi s.a.w yang menyentuh mengenai inai, antaranya:

Diriwayatkan oleh Abu Zar bahawa Nabi s.a.w bersabda:

{إن أحسن ما غيّر به هذا الشيب الحناء والكتم}

Maksudnya: "Sesungguhnya sebaik-baik apa yang digunakan untuk mengubah uban ini adalah: inai dan katam (sejenis tumbuhan)" (At Termizi. 1983. Kitab: Pakaian. Bab: Inai. #1806. Abu Daud: Tt. Kitab: Rambut. Bab: Inai. #4205).

Abu Daud meriwayatkan:

عن أنس أنه سئل عن خضاب النبي صلى الله عليه وسلم: "فذكر أنه لم يخب، ولكن قد خضب أبو بكر وعمر"

Maksudnya: "Anas bin Malik ditanya, apakah Nabi s.a.w menginaikan rambut Baginda? Beliau menjawab: Baginda tidak menginaikan rambut Baginda, namun Abu Bakar dan Umar menyemir rambut mereka dengan inai dan katam" (Abu Daud. Tt. Kitab: Rambut. Bab: Inai #4209. Ibnu Majah. Tt. Kitab: Pakaian. Bab: Inai. #3622).

Imam Abu Daud meriwayatkan bahawa seorang wanita bertanya kepada Saidatina Aisyah mengenai menginaikan rambut, beliau menjawab:

"لا بأس به ولكني أكرهه، كان حبيبي يكره ريحه"

Maksudnya: "Tidak mengapa, hanya sahaja aku tidak menyukainya kerana kekasih ku (Nabi s.a.w) tidak menyukai baunya" (Abu Daud: Tt. Kitab: Rambut. Bab: Inai untuk wanita. #4164)

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w bersabda:

{إن اليهود والنصارى لا يصبغون فخالقوهم}

Maksudnya: "Sesungguhnya Yahudi dan Nasrani tidak menginaikan rambut mereka, maka bezakanlah diri kamu dari mereka dengannya (menginaikan rambut)" (Al Bukhari. 1987. Kitab: Pakaian. Bab: Inai. #5899).

Dalam riwayat yang lain:

{غيّروا الشيب ولا تشبهوا باليهود}

Maksudnya: "Ubahlah uban ini (dengan inai) dan janganlah kalian menyerupai Yahudi" (At Termizi. 1983. Kitab: Pakaian. Bab: Inai. #1805. An Nasa'i. 2010. Kitab: Perhiasan. Bab: keizinan menggunakan inai. #5088)

Terdapat juga riwayat yang menunjukkan Nabi s.a.w mewarnakan uban Baginda dengan menggunakan inai:

وروى عن عثمان بن موهب قال: "دخلتُ على أمِّ سلمةَ قالَ : فأخرَجَت إليَّ شَعْرًا من شَعْرِ رسولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَحْضُوبًا بِالْحَنَاءِ وَالكَتَمِ"

Maksudnya: Bahawa diriwayatkan dari Osman bin Mauhub, beliau berkata: "Kami mendatangi Ummu Salamah, lalu beliau memperlihatkan kepada kami rambut Rasulullah yang mempunyai kesan inai dan katam" (Al Bukhari. 1987. Kitab: Pakaian. Bab: Uban. #5897. Ibnu Majah: Tt. Kitab: Pakaian. Bab: Inai. #3623).

Namun begitu, penggunaan inai berwarna hitam adalah dilarang untuk orang lelaki, kerana penggunaannya boleh membawa kepada penipuan. Saidina Ibnu Abbas meriwayatkan dalam sebuah hadis *marfu'*:

{ قوم يخضبون بهذا السواد آخر الزمان، كحواصل الحمام، لا يريحون رائحة الجنة }

Maksudnya: "Di Akhir zaman ada kaum yang menggunakan inai berwarna hitam (di kepala mereka) seperti dada-dadanya merpati, mereka tidak akan mencium haruman syurga". (An Nasai. 2010. Kitab: Perhiasan. Bab: Larangan menggunakan inai hitam. #5090).

Saidina Jabir meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w memerintahkan bapa Saidina Abu Bakar untuk mengubah janggut dan rambutnya yang telah putih dengan inai tetapi melarang penggunaan inai berwarna hitam. (Ibnu Majah: Tt. Kitab: Pakaian. Bab: Penggunaan inai hitam. #3624).

Namun jika penggunaan inai hitam bagi orang lelaki disebabkan hajat seperti menakutkan musuh atau berhias untuk isteri maka ia diharuskan. Diriwayatkan dari Saidina Suhaib bahawa Nabi s.a.w bersabda:

{ إن أحسن ما اختضبتن به لهذا السواد، أرغب لنسائكم فيكم، وأهيب لكم في صدور عدوكم }

Maksudnya: "Sebaik-baik inai yang kamu gunakan adalah yang hitam ini. Ia lebih menyenangkan isteri kamu kepada kamu dan lebih menerbitkan kehebatan kamu dalam diri musuh-musuh kamu". (Ibnu Majah: Tt. Kitab: Pakaian. Bab: Penggunaan inai hitam. #3625).

SENI MEHNDI DALAM HADIS NABI S.A.W:

Daripada fakta sejarah yang disebutkan di atas dapat dipastikan bahawa ketika Nabi Muhammad s.a.w dibangkitkan membawa risalah Islam, seni mehndi telah diketahui dengan meluas, baik dalam kalangan bangsa arab ataupun *ajam* (bukan arab). Oleh yang demikian tidak dapat ditolak kemungkinan terdapat hadis Nabi s.a.w yang menyentuh mengenai seni ini kerana masyarakat Islam pada zaman tersebut perlu untuk mengetahui batasan-batasan syarak dalam kesenian mehndi.

Hasil dari penyelidikan penulis tidak ditemui periwayatan dari Nabi s.a.w yang secara langsung menyentuh masalah ini dengan jelas. Namun terdapat dua hadis yang pada zahirnya bercanggah yang dapat dikaitkan dengan seni Mehndi:

Pertama:

{روى أبو داود عن عائشة رضي الله عنها قالت: "أومأت امرأة من وراء ستر بيدها كتاب إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم، فقبض النبي صلى الله عليه وسلم يده، فقال: "ما أدري أيد رجل أو امرأة"، قالت: بل امرأة، قال: "لو كنت امرأة لغيرت أظافرك" يعني بالحناء}.

Maksudnya: Abu Daud meriwayatkan dari Saidatina Aisyah bahawa seorang wanita menghulurkan surat kepada Nabi s.a.w dari belakang tabir. Baginda s.a.w lalu tersentuh tangan wanita itu (ketika hendak mengambil surat tersebut), lantas Baginda bersabda: "Aku tidak tahu apakah ini tangan seorang lelaki atau wanita? Wanita yang menghulurkan surat itu menjawab: "Bahkan ini adalah tangan wanita". Nabi salallahu alaihi wasallam membalas: "Jika kamu seorang wanita nescaya telah kamu ubah kuku-kuku kamu (dengan memakai inai)". (Abu Daud: Tt. Kitab: Rambut. Bab: Inai bagi kaum wanita. #4166).

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi s.a.w membolehkan seorang wanita menginaikan hujung jarinya sahaja bagi membezakan antara tangannya yang seperti lelaki dengan tangan lelaki. Menggunakan inai pada hujung jari dapat disamakan dengan seni mehndi dari segi ia hanya menginaikan sebahagian telapak tangan dan meninggalkan sebahagian lain.

Petunjuk hadis ini dikuatkan dengan sabda Nabi s.a.w kepada seorang wanita yang berkesempatan bersembahyang menghadap kepada dua kiblat, yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bahawa:

{اختضي، تترك إحداكن الحُضاب حتى تكون يدها كيد الرجل، قالت: فما تركت الحُضاب حتى لقيت الله عز وجل، وإن كانت لتختضب وإنها لإبنة ثمانين}

Maksudnya: "Berinailah, jangan ditinggalkan tangan kamu wahai kaum wanita seperti tangannya seorang lelaki". Wanita itu berkata: "Aku tidak meninggalkan inai sehingga aku bertemu Allah *Azza wajall*", Beliau tetap berinai sedangkan ketika itu berumur lapan puluh tahun (Ahmad: 1995. #23128).

Hadis Imam Ahmad ini bersifat umum mencakupi menginaikan telapak tangan secara keseluruhannya ataupun sebahagiannya sahaja.

Kedua: Saidina Abdullah ibn Umar meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w bersabda kepada wanita Ansar:

{يا نساء الأنصار اختضبن غمسا . . .}

Maksudnya: "Jika kamu hendak menggunakan inai maka celuplah ia kepada keseluruhan tangan mu . . ." (Al Bazzar: 1988. #6178).

Petunjuk hadis ini pula secara zahirnya mengkhususkan hadis riwayat Imam Ahmad dengan hanya membataskan cara berinai yang dibolehkan adalah dengan menginaikan keseluruhan telapak tangan.

SENI MEHNDI DALAM FATWA SAHABAT

Percanggahan antara kedua-dua hadis di atas melahirkan beberapa kemungkinan, iaitu adakah hadis Imam Ahmad itu dikhususkan oleh hadis kedua dan adakah ia juga berperanan sebagai hadis yang memansuhkan hadis pertama ataupun sebaliknya. Untuk mengetahui hal ini, maka perlu dirujuk kepada fatwa sahabat kerana mereka adalah generasi yang paling memahami dan mengetahui hadis-hadis Nabi s.a.w, mana yang memansuhkan dan mana yang dimansuhkan, pengekalannya keumuman hadis atau ia telah dikhususkan dan sebagainya. Kesemua ini adalah kelebihan yang diperolehi mereka kerana mereka hidup bersama Nabi, menyaksikan penurunan wahyu, mengetahui sebab dan bila sesebuah hadis itu disabdakan serta yang manakah menjadi amalan terakhir Baginda.

Terdapat beberapa riwayat dari fatwa sahabat yang menyentuh seni Mehndi ini dengan secara langsung:

Diriwayatkan dalam Musannaf Imam Abdul Razzak bahawa seorang wanita mendengar Umar berkhotbah:

"يا معشر النساء إذا اختضبتن فإياكن النقش والتطريف، ولتخضب إحداكن يديها إلى هذا، وأشار إلى موضع السوار"

"Wahai kaum wanita, jika kamu berinai maka elakkan daripada melukis dan menginaikan hujung jari kamu sahaja. Hendaklah kamu menginaikan kedua telapak tangan kamu hingga ke sini (sambil menunjukkan tempat memakai gelang iaitu pergelangan tangan) (As Sana'ni: Tt. Kitab: Puasa. Bab: Inai untuk wanita #7929). Dalam lafaz yang lain, Ummu A'tiyah mengatakan bahawa seorang wanita dari kalangan mereka mendengar Saidina Umar melarang menggunakan inai dengan melukis dan hanya di hujung jari (Al Maruzi: 1997. #582).

Tegahan sebegini juga didapati dalam fatwa Saidatina Aisyah r.a:

"عن زكريا قال: حدثني أمينة قالت: كنت أقين العرائس بالمدينة، فسألت عائشة عن الخضاب؟ فقالت: لا بأس ما لم يكن نقش"

Diriwayatkan daripada Zakariya bahawa beliau berkata: Aminah telah berkata kepadaku: Aku menghiasi pengantin di Madinah, lalu aku bertanya Saidatina Aisyah mengenai penggunaan inai oleh pengantin perempuan, lalu beliau menjawab: "Tidak mengapa selagimana ia bukanlah lakaran" (Al Maruzi: 1997. #583).

Dari fatwa Saidina Umar yang merupakan seorang sahabat dekat Nabi s.a.w dan disokong pula dengan fatwa Saidatina Aisyah isteri Nabi s.a.w

menunjukkan bahawa menggunakan inai pada sebahagian telapak tangan adalah dilarang. Kedua sahabat ini lebih mengetahui hadis atau amalan terakhir Nabi s.a.w dan tidak mungkin mereka melarang sesuatu yang diharuskan syarak.

DALIL SOKONGAN TERHADAP FATWA SAIDINA UMAR DAN AISYAH R.A

Terdapat dua dalil lain yang menyokong fatwa Saidina Umar dan Aisyah r.a dalam larangan mereka terhadap penggunaan seni mehndi ini:

Dalil sokongan pertama: Qiyas:

Fatwa isteri dan sahabat Nabi s.a.w ini disokong dengan kaedah qiyas bagi menambahkan kekuatannya. Seni mehndi yang menginginkan sebahagian telapak tangan dapat diqiyaskan dengan *Qaza'* iaitu mencukur sebahagian rambut dan meninggalkan sebahagian yang lain. Larangan *Qaza'* berasal dari sabda Nabi s.a.w:

{نُهاني الله عز وجلّ عن القزع}

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah *Azza wa Jalla* telah menegah aku dari *Qaza'*". (An Nasai'. 2010. Kitab: Perhiasan. Bab: Larangan *Qaza'*.)

Ibnu Umar pula meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w melarang dari melakukan *Qaza'*. (Al Bukhari. 1987. Kitab: Pakaian. Bab: *Al Qaza'*.)

Oleh itu, sepertimana *Qaza'* itu dilarang kerana mencukur sebahagian rambut dan meninggalkan sebahagian yang lain, demikian juga dengan seni mehndi yang mewarnakan sebahagian telapak tangan dan meninggalkan sebahagian yang lain. *Illah* (rasional hukum) yang mengikat keduanya adalah tidak berlaku keadilan atau menyerupai golongan bukan Islam. *Qaza'* juga menjadi *Al Asl* (الأصل) dalam qiyas yang melarang memotong sebahagian kuku, janggut dan seumpamanya.

Sokongan dari qiyas akan menjadikan fatwa seseorang sahabat itu bertambah kuat, sehingga sebahagian ulama yang menolak kehujahan fatwa sahabat akan menerimanya apabila ia disokong oleh qiyas (Jumuaah: 2004, Al Jumaili 2016).

DALIL SOKONGAN KEDUA

Fatwa ini berada diperingkat *ijma sukutiyy*

Ijma sukutiyy ialah apabila seseorang mujtahid mengemukakan pendapatnya tentang hukum sesuatu masalah secara jelas sedangkan sebahagian yang lain hanya mendiamkan diri sahaja dan tidak menunjukkan respon sama ada bersetuju ataupun tidak dengan pendapat tersebut. (Subri & Abd Rahman: 2017). Kenyataan Saidina Umar mengenai larangan menggunakan inai pada sebahagian telapak tangan dalam khutbahnya boleh dianggap sebagai *ijma*

sukutiyy atau sekurang-kurangnya “tidak diketahui sanggahan terhadapnya” (عدم العلم بالمخالفة) seperti istilah yang digunakan oleh Imam Ahmad (Abu Zuhrah: Tt. Badran: 1981), kerana tidak diketahui oleh para sahabat yang mendengar khutbah itu menyanggah kenyataan Saidina Umar setelah khutbahnya selesai.

Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa berhias dengan menginaikan sebahagian telapak tangan dan meninggalkan sebahagian lain atau dengan cara melukis dan melakar sesuatu adalah dilarang dan ditegah oleh Saidina Umar dan Saidatina Aisyah r.a. tegahan dan larangan terhadap seni mehndi ini tidak mendapat sebarang kritikan dan sanggahan daripada sahabat yang lain walaupun Saidina Umar menyebutkannya dalam khutbah beliau. Sokongan kedua ini menaikkan martabat hujah yang melarang penggunaan seni mehndi daripada hanya fatwa sahabat kepada *ijma sukutiyy*.

Peningkatan martabat hujah ini menjadikan sebahagian ulama yang menolak fatwa sahabat sebagai sumber dalil syarak, menerimanya atas dasar *ijma sukutiyy*. Mereka mengatakan fatwa seorang sahabat tidak akan menjadi hujah selagimana ada fatwa sahabat lain yang bercanggah dengannya (Al Jumaili: 2016. Jumuaah: 2004)

DALIL SOKONGAN KETIGA

Fatwa sahabat yang menyuruh menginaikan keseluruhan telapak tangan

Diriwayatkan bahawa Saidina Anas bin Malik berkata ketika ditanya mengenai penggunaan inai:

"وقال في الخضاب: فأمرها أن تغمس اليد كلها"

Maksudnya: “Hendaklah dicelupkan keseluruhan tangannya” (Al Maruzi: 1997. #581).

Ibnu Umar r.a berkata:

" يا نساء الأنصار اختضين غمماً "

“Wahai wanita Ansar, berinailah dengan cara mencelupkan keseluruhan telapak tangan . . .” (Al Haithami: 2001. #8881)

Walaupun jawapan Saidina Anas dan Ibnu Umar ini tidak menyebutkan larangan secara langsung terhadap cara menghiasi tangan dengan membuat lukisan dari inai, namun suruhan untuk mencelupkan keseluruhan tangan dengan inai mengandungi larangan terhadap penggunaannya dengan cara melukis.

DALIL SOKONGAN KEEMPAT

Fatwa Tabiin.

Mughirah meriwayatkan daripada Ibrahim Al Harbi bahawa beliau berkata:

"يكره النقش ويرخص في الغمسة"

Bermaksud "Dimakruhkan melukis dan diringankan dalam mencelup (keseluruhannya)" (Al Maruzi: 1997. #584)

FATWA SAHABAT YANG BERCANGGAH DENGAN HADIS

Jika diperhatikan fatwa Saidina Umar dan Aisyah r.a yang melarang penggunaan lakaran dan lukisan dalam menghiasi telapak tangan seseorang wanita bercanggah dengan hadis Imam Abu Daud dimana Baginda s.a.w menyuruh seorang wanita menginaikan hujung jarinya bagi membezakan antara telapak tangan seorang lelaki dengan seorang wanita.

Para ulama usul mempunyai cara berinteraksi yang khusus dalam permasalahan sebegini. Mereka membahagikan percanggahan antara hadis Nabi s.a.w dan fatwa para sahabat kepada dua keadaan:

Keadaan pertama: Fatwa seseorang sahabat itu bertentangan dengan hadis secara keseluruhannya.

Keadaan kedua: Pertentangan itu hanya terjadi pada sebahagian hadis sahaja, seakan fatwa sahabat mengkhususkan umumnya hadis atau meletakkan syarat bagi sesuatu yang disebut secara mutlak (Al Namlah:1999).

Dalam permasalahan ini pertentangan yang terjadi antara hadis Imam Abu Daud dengan fatwa Saidina Umar dan Aisyah adalah pertentangan secara keseluruhan. Hal ini dikeranakan hadis Imam Abu Daud menunjukkan bahawa Nabi s.a.w membenarkan seorang wanita menginaikan sebahagian telapak tangannya iaitu jarinya sahaja, manakala fatwa kedua orang sahabat tersebut pula melarangnya. Jika keadaan ini berlaku para ulama memerincikannya kepada dua bahagian pula.

Bahagian pertama: Dapat dipastikan bahawa sahabat tersebut mengetahui hadis yang bertentangan dengan fatwanya. Jika perkara ini terjadi, adakah diketahui sebab yang menjadikan sahabat tersebut mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengan hadis ataupun tidak (Al Namlah:1999).

Jika diketahui sebabnya maka dilihat apakah ia kerana:

- A) Kelupaan sahabat itu atau bersebab sifat wara' mereka atau kerana mereka mengambil keringanan. Ketika perkara ini berlaku, maka hendaklah beramal dengan hadis dan meninggalkan fatwa mereka sama sekali (Al Juwaini: 1400H).
- B) Terdapat hadis lain yang bertepatan dengan fatwa sahabat tersebut tetapi hadis itu bercanggah dengan hadis kedua. Jika ini adalah

sebabnya maka digunakan kaedah dalam berinteraksi dengan dua hadis yang bercanggah (Ibnu Al Hummam: Tt).

Akan tetapi jika tidak diketahui sebab kenapa sahabat itu mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengan hadis yang telah mereka ketahui, para ulama usul berselisih pendapat manakah yang harus diamalkan:

Pendapat pertama: Memilih hadis Nabi s.a.w dan ditinggalkan pendapat sahabat tersebut. Ini dikeranakan hadis Nabi itu *tsabit*, sedangkan kehujahan fatwa sahabat adalah satu perkara yang diperselisihkan. Sementara itu juga, terdapat kemungkinan bahawa sahabat berkenaan terlupa akan hadis itu atau tafsiran beliau tersilap (Al Shaimari: 1991, Al Juwaini: 1400H & Jumuaah: 2004).

Pendapat kedua: Hendaklah dipilih perkataan dan fatwa sahabat dan ditinggalkan hadis Nabi s.a.w. Ini kerana para sahabat lebih mengetahui dan berpegang kuat dengan hadis Baginda s.a.w berbanding umat yang datang setelah mereka. Apabila mereka meninggalkan hadis dan mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengannya sedangkan mereka mengetahui hadis tersebut, bermakna hadis itu mempunyai takwilan, tafsiran dan kefahaman yang tersembunyi daripada pengetahuan generasi setelah mereka (Al Shaimari: 1991).

Pendapat ini berhujjah, bersangka baik kepada sahabat yang mengeluarkan fatwa itu adalah suatu perkara yang lebih baik, berbanding bersangka bahawa mereka lupa atau tersalah tafsirannya. Secara pasti, para sahabat lebih mengetahui ilmu nasikh dan mansukh dan apakah sebenarnya yang dimaksudkan Rasulallah dari hadisnya (Al Juwaini: 1400H).

Pendapat kedua ini menetapkan beberapa syarat sebelum menolak hadis tersebut

- 1- Dapat dipastikan bahawa fatwa sahabat itu kekal. Ini bermakna beliau tidak pernah menarik balik fatwa tersebut sehingga hari kewafatannya.
- 2- Hendaklah fatwa itu dikeluarkan setelah beliau meriwayatkan hadis itu. Ini kerana, jika sahabat tersebut meriwayatkan hadis yang bercanggah dengan fatwanya setelah mengeluarkan fatwa tersebut, ia bermakna periwayatannya itu adalah sebagai penarikan terhadap fatwanya. Jika tidak dapat dipastikan apakah beliau meriwayatkan hadis itu dahulu atau mengeluarkan fatwanya dahulu kemudian baru meriwayatkan hadis, maka fatwa itu tidak diambil kira dan diamalkan kandungan hadis tersebut secara keseluruhan.
- 3- Jika terdapat sebahagian sahabat lain yang menyokong fatwa sahabat yang bertentangan dengan sebuah hadis dengan beramal dengan fatwa itu, sedangkan mereka adalah golongan sahabat yang mustahil tidak mengetahui hadis tersebut, maka hendaklah diamalkan fatwa sahabat

dan meninggalakan hadis Nabi s.a.w, kerana fatwa itu telah disokong oleh amalan para sahabat yang lain. (Al Namlah: 1999 & Al Jumaili: 2016)

Bahagian kedua: Tidak dapat dipastikan adakah sahabat yang mengeluarkan fatwa itu mengetahui hadis yang bertentangan dengan fatwanya.

Jika keadaan ini berlaku, maka hendaklah mengamalkan hadis Nabi s.a.w dan meninggalkan fatwa sahabat yang bertentangan dengan hadis itu(Al Zarkasyi: 1992, Al Sarakhsi: 1993 & Al Juwaini: 1400H). Namun Imam Abu Hanifah berpendapat hendaklah diamalkan fatwa sahabat berbanding hadis Nabi s.a.w. Terdapat juga para ulama yang memerincikan lagi bahagian kedua ini dengan melihat:

- 1- Jikamana fatwa itu tersebar dan tidak ada penentangan daripada sahabat yang lain, maka diamalkan fatwa itu.
- 2- Jikamana fatwa itu tidak tersebar atau ia tersebar tetapi terdapat pertentangan, maka fatwa itu tidak diambil kira dan hadis tersebut kekal di atas keumumannya. Ini disebabkan, tidak tersebarnya fatwa itu atau terdapat penolakan dan pertentangan dari sebahagian sahabat, menunjukkan ianya satu perkara yang lemah dan tidak boleh menjadi hujah untuk mengkhususkan mana-mana hadis yang *tsabit*. (Al Qawasimi: 2003)

Dalam hal seni mehndi ini penulis meyakini bahawa Saidatina Aisyah mengetahui keizinan Nabi s.a.w kepada wanita yang menghulurkan surat kepada Baginda untuk menginaikan hujung jarinya atau kukunya sahaja. Bagaimana tidak Saidatina Aisyah mengetahui keizinan ini, sedangkan beliau adalah perawi hadis tersebut yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud. Namun begitu Saidatina Aisyah r.a tetap melarang menghiasi telapak tangan dengan melukis dan tidak menyanggah pendapat Saidina Umar yang melarang juga penggunaan inai hanya pada hujung jari sahaja.

Ini menunjukkan bahawa kedua sahabat ini sedia maklum bahawa fatwa mereka yang melarang mengadakan lukisan di telapak tangan dengan menggunakan inai bercanggah dengan hadis Nabi s.a.w yang menyuruh seorang wanita menginaikan kukunya sahaja. Fatwa mereka ini pada sisi yang lain pula bertepatan dengan sebuah hadis dimana Nabi s.a.w menyuruh wanita Ansar untuk menginaikan keseluruhan telapak tangan mereka.

Dengan ini hadis yang menyuruh wanita kaum Ansar untuk menginaikan keseluruhan telapak tangan mereka lebih diterima, walaupun terdapat percanggahan dengan hadis wanita yang menghulurkan surat kepada Nabi s.a.w. Ini kerana, hadis suruhan kepada wanita Ansar itu mendapat sokongan fatwa sahabat yang mana mereka lebih mengetahui suruhan terakhir Baginda dan maksud dari hadis-hadis Nabi s.a.w. Oleh yang demikian,

sebahagian ulama melarang dan memakruhkan penggunaan seni mehndi dalam berhias. (Al Mardawi: 1998. Ibnu Muflih: 1997)

SIFAT LARANGAN BERHIAS DENGAN MENGGUNAKAN SENI MEHNDI DALAM FATWA SAHABAT

Persoalan yang timbul setelah dapat dipastikan adanya periwayatan dari para sahabat yang melarang berhias dengan membuat lakaran ditelapak tangan menggunakan inai adalah, adakah larangan ini bersifat mutlak atau ianya mempunyai sebab dan objektif tertentu yang hendak dicapai.

Secara umumnya asal hukum berhias adalah harus dengan menggunakan apa jenis perhiasan sekalipun dan dalam apa juga cara atau bentuk. Firman Allah Taala:

﴿قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ، قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ، كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: "Katakanlah: "Siapakah yang mengharamkan perhiasan dari Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya dan (siapakah pula yang mengharamkan) rezeki yang baik?" katakanlah: "semuanya itu bagi orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia dan khusus (untuk mereka sahaja) di hari kiamat, demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat itu bagi orang-orang yang mengetahui" (Al A'raf:32)

Berhias dan perhiasan itu hanya menjadi terlarang dengan sebab luaran seperti mengubah ciptaan Allah Taala. FirmanNya dalam surah An Nisa ayat:119:

﴿وَلَا ضَلَّحْنَهُمْ وَلَا مَمِئْتَهُمْ وَلَا مَرْتَهُمْ فَلْيَبْتَئِكُنَّ آذَانَ الْأَنْعَامِ وَلَا مَرْتَهُمْ فَلْيَعْبِرَنَّ خَلْقَ اللَّهِ، وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُبِينًا﴾

Maksudnya: "Dan aku benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan akan menyuruh mereka (memotong telinga-telinga binatang ternak) lalu mereka benar-benar memotongnya, dan aku akan menyuruh mereka merubah ciptaan Allah, lalu benar-benar mereka merubahnya, barangsiapa menjadikan syaitan sebagai pelindungnya selain dari Allah, maka sesungguhnya dia telah menderita dengan kerugian yang nyata".

Keharaman berhias juga boleh timbul dari sifat berlebih-lebihan yang membawa kepada tabarruj, iaitu menarik perhatian dan menimbulkan fitnah. FirmanNya:

﴿وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى﴾

Maksudnya: "Hendaklah kamu (para wanita) tetap di rumah kamu dan janganlah kamu bertabarruj seperti tabarruj orang-orang Jahiliyah yang dahulu..." (Al-Ahzab: 33).

Larangan dalam berhias juga boleh terbit apabila terjadi penyerupaan “*tasyabbuh*” dengan orang fasik, kafir dan menyerupai jantina lawannya. Sabda Nabi s.a.w:

{ من تشبه بقوم فهو منهم }

Maksudnya: “Barangsiapa menyerupai sesebuah kaum maka dia tergolong dalam golongan kaum tersebut” (Abu Daud: Tt. Kitab: Pakaian. Bab: Pakaian yang membezakan (syuhrah). #4031).

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa larangan Saidina Umar dan Aisyah terhadap penggunaan inai dalam menghiasi telapak tangan dengan cara melukis atau membuat lakaran adalah sebuah larangan yang mempunyai sebab dan tujuan yang hendak dicapai. Pandangan ini disokong oleh pendapat Ibnu Hajar yang mengatakan bahawa larangan Saidina Umar dalam masalah ini hanya tertumpu kepada wanita yang mengerjakan haji atau umrah (ibnu Hajar: Tt).

Ini kerana, kaum wanita disuruh untuk menutup kulit tangan mereka dengan inai ketika berihram. Jikalau hanya ditutup sebahagiannya sahaja, maka maksud ‘menutup’ itu tidak akan kesampaian. Selain itu menginaikan sebahagian tangan dengan bentuk lukisan atau di hujung jari pula akan menarik pandangan lelaki lantas menimbulkan fitnah. Sedangkan mereka tidak dapat menggunakan sarung tangan ketika sedang berihram.

Tabarruj juga boleh dijadikan tujuan dari larangan ini, agar lukisan yang terang itu tidak menarik perhatian lelaki yang bukan maharam lantas memandang kepada kecantikan perhiasan wanita tersebut. Oleh sebab itu sebahagian ulama mewajibkan wanita yang menginaikan tangannya dengan cara ini menutupinya dari pandangan lelaki yang bukan mahram kerana ia adalah perhiasan untuk suaminya sahaja (Ibn Baz: Tt).

Selain *tabarruj*, tidak dapat dinafikan bahawa *tasyabbuh* atau menyerupai kaum kafir juga adalah salah satu alasan di sebalik larangan ini. Seperti yang telah diketahui seni ini telah dikenali sebelum kelahiran Nabi s.a.w. Kemungkinan besar larangan ini bertujuan untuk memisahkan antara perhiasan wanita muslimah dengan wanita bukan Islam. sepertimana Nabi s.a.w menyuruh untuk memendekkan misai atau memelihara janggut bagi membezakan antara lelaki Islam dengan yang bukan Islam.

Bagi penulis larangan menggunakan seni mehndi dalam menginaikan tangan yang disebut oleh Saidina Umar dan Aisyah r.a lebih menjurus kepada sebuah larangan yang mempunyai objektif yang hendak dicapai berbanding sebuah larangan yang mutlak. Oleh itu jika sebab larangan itu luput, maka luput juga larangannya.

Sebagai contoh, jika seorang wanita itu menggunakan sarung tangan bagi menutupi lukisan yang telah dibuat di telapak tangannya, maka ia akan menggugurkan alasan *tabarruj*. Unsur *tasyabbuh* pula akan terhapus sekiranya

falsafah lukisan bagi kesenian itu tidak mengandungi motif dan unsur kefahaman agama selain Islam. Begitu juga apabila seni ini tidak lagi menjadi sebuah pekara yang dikhususkan untuk sesebuah kaum yang bukan Islam dan dikaitkan dengan mereka setiap kali nama seni ini disebut.

6- INAI SEBAGAI SENI LUKISAN BADAN (BODY ART):

Pada zaman kini penggunaan inai tidak hanya tertumpu pada tangan sahaja, bahkan ia telah di gunkan di seluruh tubuh badan sebagai gaya seni. Contohnya di perut, dada, lengan, kaki, betis dan sebagainya.

Hukum kesenian badan menggunakan inai dapat diqiyaskan kepada permasalahan di atas. Secara pasti, Islam tidak pernah menyuruh umatnya menginaikan selain telapak tangan, rambut dan janggut bagi lelaki. Namun begitu, tiada juga larangan yang mutlak dalam hal ini. Maka ia termasuk dalam lingkaran berhias dan perlu mengikuti adab-adabnya. Apa yang perlu diperhatikan adalah masalah berlebihan atau melampau (الإسراف), *tasyabbuh*, pembaziran, kemudaratan, melahirkan sifat bangga dan sebagainya seperti yang telah disebutkan dalam bab berhias.

Aspek kemudaratan pada kesihatan juga perlu diberi perhatian. Terutama sekali pada zaman moden ini. Kebanyakan pengguna akan menggunakan *Henna Cones* siap pakai, atau yang lebih dikenal sebagai *Fresh Henna Cones* atau *ready-made Henna Cones*, daripada mengisar sendiri daun-daun inai tersebut. Bagi mendapatkan warna henna yang pekat dan hitam pula, kebanyakan pengusaha akan menambahkan zat sintetik p-phenylenediamine (PPD). Bahan kimia ini sangat berbahaya buat kulit dan dapat menyebabkan reaksi alergi yang parah sehingga dapat mengakibatkan kecederaan, gangguan ginjal bahkan kematian. (Asadullah, Roslee & Ramli: 2018).

Bagi menepati kehendak syarak dalam berhias, terdapat beberapa aspek yang perlu dinilai pada seni lukisan di badan (body art):

- 1- Lukisan tersebut tidak melambangkan unsur keagamaan selain Islam.
- 2- Lukisan tersebut tidak menyerupai apa yang digunakan oleh ahli maksiat dan golongan fasik. Ia juga tidak menyerupai lukisan yang biasa digunakan dalam tattoo.
- 3- Lukisan tersebut bukan sesuatu yang mempunyai nyawa atau roh.
- 4- Lukisan tersebut tidak diperlihatkan kepada lelaki atau wanita yang bukan mahram.
- 5- Tidak berlebih-lebihan.
- 6- Memastikan agar inai yang digunakan tidak memudaratkan kulit.
- 7- Tidak memaparkan bahagian aurat yang tidak boleh dilihat oleh pelukis seni lukisan badan ketika membuat lukisan tersebut kerana ia adalah aurat yang dibuka bukan kerana darurat.

PENUTUP

Seni mehndi adalah sebuah seni berhias dengan menggunakan inai untuk membuat lakaran atau lukisan di telapak tangan. Ia adalah sebuah seni kuno yang telah diamalkan semenjak berabad lamanya. Terdapat dua hadis yang pada zahirnya bercanggah dalam menyatakan keharusan seni berhias ini, manakala dalam kalangan para sahabat, Saidina Umar dan Aisyah r.a menegah perbuatan menginaikan sebahagian tangan sahaja dan menyuruh bagi mereka yang ingin berbuat demikian agar menginaikan seluruh telapak tangan. Bagi penulis, larangan ini bukanlah sebuah larangan yang mutlak atau menunjukkan pemansuhan hadis yang membenarkannya. Akan tetapi terdapat objektif atau sebab yang hendak dicapai di sebalik larangannya seperti mengelakkan *tasyabbuh*, *tabarruj* dan menarik perhatian lelaki ajnabi. Jika tujuan larangan ini dapat dihindarkan seperti dengan menggunakan sarung tangan atau tidak terdapat unsur penyerupaan dalam gaya lukisan yang digunakan maka haruslah seseorang wanita itu menghiasi tangannya dengan kesenian ini dengan syarat menjaga adab-adab berhias yang lain seperti tidak berlebih-lebihan (الإسراف) disamping memastikan bahan yang digunakan itu selamat untuk kulitnya.

RUJUKAN:

Al Quran Al Karim.

Abu Zuhrah, Muhammad. Tt. *Tarikh Al Mazahib Al Islamiyah fi Al Siyasa wal A'qaid wa Tarikh Al Mazahib Al Fiqhiyah*. Kaherah: Dar Al Fikr Al A'rabi.

Ahmad bin Hanbal. 1995. *Al Musnad*. Kaherah: Dar Al Hadis.

Al Bazzar, Abu Bakar Ahmad bin Umar. 1988. *Al Bahru Al Zakhhar*. Al Madinah Al Munauwarah: Maktabah Al Ulum wal Hikam.

Al Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1987. *Sahih Al Bukhari*. Kaherah: Dar Al Rayyan.

Al Daqar, Muhammad Nizar. 2011. *Al Hina*. M.quran-m.com

Al Haithami, Ali bin Abi Bakar. 2001. *Mujamma Az Zawaid wa Manba' Al Fawaid*. Beirut: Dar Al Kutub Ilmiah.

Al Jumaili, Ahmad Abdu Abbas. 2016. *Qaul Al Sahabi wa Atharuhu fil Masail Al Fiqhiyah*. Al Alukah. net.

Al Juwaini, Abdul Malik bin Abdullah. 1400H. *Al Burhan fi Usul Al Fikh*. Kaherah: Dar Al Ansar.

Al Mardawi, Ali bin Sulaiman. 1998. *Al Insaf fi Ma'rifati Al Rajihi min Al Khilaf*. Beirut: Dar Ihya Al Turath Al A'rabi.

Al Maruzi, Ahmad bin Muhammad. 1997. *Al Wara'*. Riyadh: Dar Al Shumay'i'.

- Al Namlah, Abdul Karim bin Ali. 1999. *Mukhalafatu Al Sahabi lil Hadis Al Nabawi Al Syarif: Dirasah Al Nazariyah Al Tadhibiqiyah*. Riyadh: Maktbah Ar Ruysd.
- Al Qawasimi, Akram Yusuf Umar. 2003. *Al Madkhal ila Mazhab Al Imam As Syafi'*. Jordan: Dar Al Nafais.
- Al Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad. 1993. *Usul Al Sarakhsi*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiah.
- Al Shaimari, Hussain bin Ali. 1991. *Masail Al Khilaf fi Usul Al Fikh*. Marseille: Universite De Provence.
- Al Shamar, Ahmad. 2011. *Al Hina, Turath wa Zinah wa I'laj*. www.alwahamag.com.
- Al Zarkasyi, Muhammad bin Bahadrain. 1992. *Al Bahru Al Muhith fi Usul Al Fikh*. Kuwait: Wizarah Al Awqaf wa Al Syuun Al Islamiyah bil Kuwait.
- Al Zubaidi. 2012. *Taj Al A'rus*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiah.
- An Nasai' Ahmad bin Syuaib. 2010. *Sunan An Nasai'*. Kaherah: Dar Al Hadis.
- Asadullah, Muhammad, Roslee, Abdul Hadi & Ramli, Abdul Muiz. 2018. *Menginaikan Tangan*. Disertasi Diploma Syariah Islamiyah, Jamiyah Education Centre (JEC) & Kolej Universiti Islam Melaka (KUIN).
- At Termizi, Muhammad bin Isa. 1983. *Sunan At Termizi*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Badran, Abdul Qadir. 1981. *Al Madkhal ila Mazhab Al Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Muassasah Al Risalah.
- Bin Baz, Abdul Aziz bin Abdullah. Tt. *Fatawa Nur a'la Al Darb*. Saudi: Muassasah sheikh Abdul Aziz bin Baz Al Khairiyah.
- Ibnu Al Hummam, Muhammad bin Abdul Wahid. Tt. *Fathul Qadir*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Ibnu Hajar, Ahmad bin Ali. Tt. *Talkhis Al Habir*. Beirut: Dar Al Ma'rifah.
- Ibnu Majah, Muhammad bin Yazid Al Qazwani. Tt. *Sunan ibnu Majah*. Kaherah: Maktabah Al Babi Al Halabi.
- Ibnu Muflih, Muhammad. 1997. *Al Furu'*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiah.
- Jumuaah, Ali. 2004. *Qaulu Al Sahabi inda Al Usuliyin*. Kaherah: Dar Al Risalah.
- Sana'ni, dur Razaq bin Hammam. Tt. *Musannaf Abdir Razaq*. Beirut: Mansyurat Majlis I'lmi.
- Subri, Irwan & Abd Rahman, Azman. 2017. *Pengantar Usul Fiqh*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.